

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti sokongan persekitaran sosial dan penglibatan sosio-pendidikan dalam meningkatkan kesejahteraan pendidikan dalam kalangan murid sekolah menengah di Sri Lanka. Sokongan persekitaran sosial merujuk kepada ibu bapa, guru, rakan sebaya, komuniti dan sokongan secara maya. Penglibatan sosio-pendidikan pula melihat kepada penglibatan ibu bapa dan penglibatan murid dalam pembelajaran dan aktiviti sekolah. Kesejahteraan pendidikan murid pula adalah berdasarkan kepada pengaksesan sumber pendidikan bagi meningkatkan kemahiran sosial dan kemahiran fizikal fungsi yang perlu dimiliki oleh murid untuk mencapai kegembiraan dan kehidupan yang bahagia. Kajian tinjauan yang melibatkan 1350 orang murid di lima zon iaitu meliputi zon utara, timur, selatan, barat, dan zon tengah di Sri Lanka. Penganalisaan data menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 23 Analisis deskriptif dan analisis inferensi digunakan melibatkan peratusan, min, sisihan piawai, MANOVA dan regresi berganda. Hasil kajian rintis berdasarkan Cronbach Alpha menunjukkan keseluruhan item bagi setiap konstruk berada pada tahap kebolehpercayaan tinggi iaitu antara 0.898 and 0.951. Analisis deskriptif menunjukkan tahap sederhana tinggi sokongan persekitaran sosial, penyertaan sosio-pendidikan dan kesejahteraan pendidikan murid sekolah menengah di Sri Lanka. Sementara, hasil daripada analisis MANOVA menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan sokongan persekitaran sosial, penglibatan sosio-pendidikan dan kesejahteraan Pendidikan murid berdasarkan jantina, pendapatan ibu bapa, dan tahap pendidikan ibu bapa. Analisis regresi berganda menggunakan kaedah stepwise mendapati sokongan persekitaran sosial dan penglibatan sosio-pendidikan sokongan mempunyai sumbangan dan hubungan yang dominan kepada kesejahteraan pendidikan murid. Walaubagaimanapun, kajian ini turut mendapati tidak terdapat hubungan antara sokongan guru dan kesejahteraan pendidikan murid. Kajian ini menunjukkan, bahawa sokongan persekitaran sosial, penglibatan sosio-pendidikan dan faktor demografi adalah elemen penting dalam pembelajaran murid dan berhubungkait dengan kesejahteraan pendidikan mereka. Implikasi kajian ini menggambarkan keperluan kaedah pembelajaran berpusat murid dan guru mempunyai hubungan yang baik dengan murid. Tambahan pula, Kementerian Pendidikan perlu membuat perubahan untuk meningkatkan kurikulum sekolah menengah, kedua-dua subjek dan ko-kurikulum sekolah menengah agar menepati konsep pembelajaran abad ke-21. Pihak berkuasa sekolah boleh menjalankan program intervensi yang melibatkan guru, ibu bapa, dan komuniti setempat dalam meningkatkan penglibatan murid dalam penyertaan pembelajaran dan aktiviti kokurikulum serta memupuk dan menekankan kesejahteraan pendidikan mereka selaras dengan situasi masa kini.

## ABSTRACT

This study aims to identify the socio-environmental support and socio-educational participation to improve educational wellbeing among secondary school children in Sri Lanka. Socio-environmental support refers to parent, teacher, peer, community, and virtual support. Socio-educational participation considers parent participation in student learning and students' participation in lessons and school activities. Students' educational wellbeing is based on access to relevant resources, enhancing soft, social, and hard skills functioning and capabilities that they need to achieve a happy and fulfilling life. A survey is carried out among 1350 students in five zones, namely, the north, east, south, west, and the central Sri Lanka. Data are analysed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) Version 23. The descriptive and inference analyses use frequency, percentage, mean, standard deviation, MANOVA, and multiple regressions. Using Cronbach's Alpha for all constructs, results of the pilot study show high reliability at 0.898–0.951. The descriptive analysis shows a moderate level of the socio-environmental support, socio-educational participation, and student's educational wellbeing among secondary school children in Sri Lanka, while MANOVA analysis shows significant differences of the three factors based on gender, parental income, and parental educational level. Multiple regression analysis using the stepwise method reveals that socio-environmental support and socio-educational participation have substantial contributions and correlation to students' educational wellbeing. However, no correlation is observed between teacher support and students' educational wellbeing. This study shows that socio-environmental support, socio-educational participation, and demographic factors are important elements in student learning and relate to their educational wellbeing. Implications show the need for student-centred teaching methods and good teacher-student relationship. In addition, the Ministry of Education needs to improve the secondary school curriculum, both subject and co-curricular, in line with the 21st-century learning. School authorities can carry out intervention programmes for teachers, parents, and local communities to enhance their involvement in improving student participation in lesson and school activities, further nurturing and enhancing their educational wellbeing that is now highlighted as current issues.